




Guru rugi RM135,150 angkara 'phone scam'

Kuantan: Seorang guru wanita berusia 25 tahun di Rompin kerugian RM135,150 selepas terpedaya dengan sindiket 'phone scam' yang menyamar sebagai pegawai Jabatan Komunikasi Digital dan pegawai polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan pada 2 Julai lalu, mangsa menerima panggilan telefon daripada pegawai Jabatan Komunikasi Digital, Bahagian Penyekatan Rangkaian yang memaklumkan nombor telefon digunakan mangsa menyebarkan pautan tidak sah di kawasan Perak.

Katanya, panggilan telefon itu kemudian disambungkan kepada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Suspek meminta mangsa membuat peminjaman wang bagi tujuan siasatan. Mangsa membuat pinjaman peribadi berjumlah RM128,000 dan menggunakan wang simpanan dengan membuat 11 transaksi kepada enam akaun bank berlainan



Sindiket 'phone scam' menyamar sebagai pegawai Jabatan Komunikasi Digital dan pegawai polis. (Foto hiasan)

sehingga mengalami kerugian RM135,150.

"Mangsa mula menyedari ditipu apabila membuat semakan di aplikasi berkaitan penipuan dalam talian.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Yahaya berkata, pihaknya menasihati orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk

segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima di pautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.